



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **22 Apr 2021 (Khamis)**

#### **Berita Harian**

'Kerajaan negeri boleh beli vaksin'	1
Bazar Ramadan Greenwood gagal patuh SOP diarah utup	2
Lelaki hadapi tuduhan seks luar tabii dilepas tanpa dibebas	3

#### **Utusan Malaysia**

Kariah Masjid Al Khairiyah reda	4
---------------------------------	---

#### **Harian Metro**

Pengurusan akui tersalah laung azan	5
Tetap perlu ganti puasa	6
MBSA guna sistem nombor elak sesak	7
Tutup empat hari	8
Khairy sedia disiasat berhubung program vaksinasi negara	9
Tarik balik semkaan	10

#### **Kosmo**

2000 kotak kurma diagih di bangunan Sultan Idris Shah	11
Sabah sedia kecewakan Selangor	12

#### **Sinar Harian**

Bakal Perdana Menteri perlu beri tawaran baharu buat Malaysia	13
Kesal surau tidak dibenar laung azan guna pembesar suara	14
Bazar Ramadan Greenwood diarah tutup empat hari	15

#### **Berita Harian Online**

'Kerajaan negeri boleh beli vaksin COVID-19'	16
Lelaki lepas tanpa bebas kes seks luar tabii	17
Lima parameter pacu daya saing pelaburan negara	18
Seks luar tabii: Lelaki tarik balik mohon semakan kehakiman	19
Sistem penomboran elak bazar Ramadan sesak	20

#### **Era FM**

Insiden Azan Maghrib Lebih Awal	21
Kanak-Kanak 12 Tahun Ke Bawah Dilarang Ke Bazar	22

#### **KOSMO Online**

MPS tutup bazar Ramadan Greenwood	23
Seks luar tabii: Lelaki tarik balik semakan kehakiman	24

#### **Malaysiakini Online**

Jangan angkuh, pesan Adun Amanah pada kerajaan Selangor	25
KJ terbuka disiasat, dikritik berhubung program vaksin	26
Seks luar tabii: Lelaki tarik balik permohonan semakan kehakiman	27

#### **myMetro On-line**

Bazar Ramadan Greenwood diarah tutup	28
'Liga Super sukar' - Neitzel	29
Seks luar tabii: Lelaki tarik balik permohonan semakan kehakiman	30
Surau tidak dibenar laung azan guna pembesar suara	31



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>RTM1</b>	
MBSA Perketat Sop Bazar Ramadan Sistem Nombor Dan Larangan Bawa Kanak-Kanak Bawah 12 Tahun	32
<b>Sinar FM</b>	
MBSA Perketat Sop Bazar Ramadan Sistem Nombor Dan Larangan Bawa Kanak-Kanak Bawah 12 Tahun	33
MBSA Perketat Sop Bazar Ramadan Sistem Nombor Dan Larangan Bawa Kanak-Kanak Bawah 12 Tahun	34
MBSA Perketat Sop Bazar Ramadan Sistem Nombor Dan Larangan Bawa Kanak-Kanak Bawah 12 Tahun	35
MBSA Perketat Sop Bazar Ramadan Sistem Nombor Dan Larangan Bawa Kanak-Kanak Bawah 12 Tahun	36
<b>Sinar Harian Online</b>	
Bazar Ramadan Greenwood diarah tutup empat hari	37
Isu azan: Penduduk mengadu surau tak dibenar guna pembesar suara	38
Khairy sedia disiasat berhubung program vaksinasi	39
NIA jadi teras pembaharuan dasar pelaburan negara	40
Seks luar tabii: Lelaki tarik balik permohonan semakan kehakiman	41
<b>Suria FM</b>	
Insiden Azan Maghrib Lebih Awal	42
<b>Utusan Malaysia Online</b>	
Anwar digesa ikuti PICK	43
MBSA perkenal bazar Ramadan sistem bernombor	44
Seks luar tabii: Lelaki tarik balik semakan kehakiman	45
<b>The Star</b>	
COUNCIL MATTERS	46
NIA an answer to our foreign investment outflow	47
States can procure jobs	48
App to assess eateries' cleanliness	49
State scholarships for five students	50
<b>New Straits Times</b>	
Khairy denies Anwar's claims about vaccine	51
GREENWOOD BAZAAE SHUT 4 DAYS FOR FLOUTING S.O.P.	52
Sky Mirror: Eco-Tourism and Education	53
<b>The Sun</b>	
Focus more on high-value investments	54
<b>Hitz FM</b>	
Children Age 12 And Below Barred From Entering Bazar Ramadan	55
<b>Lite FM</b>	
Children Age 12 And Below Barred From Entering Bazar Ramadan	56
Children Age 12 And Below Barred From Entering Bazar Ramadan	57
Children Age 12 And Below Barred From Entering Bazar Ramadan	58
Children Age 12 And Below Barred From Entering Bazar Ramadan	59



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **Mix FM**

Children Age 12 And Below Barred From Entering Bazar Ramadan 60

### **New Straits Times Online**

KJ denies claims that state govts have to wait for months 61

Man withdraws review application after DNAA on unnatural sex charge 62

### **The Malay Mail Online**

Khairy says hes open to questions, criticisms over National Covid-19 Immunisation Programme 63

Malaysias investment policy reforms to be rooted in National Investment Aspirations, says Azmin 64

Report: Amanah assemblyman tells Selangor not to bulldoze reserve forest rezoning 65

### **The Malaysian Reserve**

Khairy slams Anwar's 'stonewalling' accusation 66

### **Guang Ming Daily**

Adun Leong Tuck Chee urged the public not to be fooled by fake account opened by stolen identity 67

Middle school student who fell ill three days ago still went to school as usual, infected three classmates who ate together 68

Selangor tightens Ramadan market SOP and prohibits those under 12 years old from visiting 69

Twisted as naked girls, 3 women playing in the water mural allowed to continue to create 70

Unlicensed hawkers set their stalls with fear, Yap Kim Huat calls on the authority to approve the license quickly 71

### **Kwong Wah Yit Poh**

Anwar criticized the progress of vaccination, Khairy fought back: He was absent from the briefing 72

### **RTM2**

200 Anggota Penguat Kuasa Akan Ditempatkan Di 51Bazar Ramadan 73



**KERATAN AKHBAR**  
**22 April 2021**

Akhtar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Kerajaan negeri boleh beli vaksin'
Muka Surat	:	6

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# 'Kerajaan negeri boleh beli vaksin'

Selangor, Sarawak dibenar dengan syarat bekalan mesti daftar NPRA

Oleh Latifah Arifin  
 latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, memberi maklum balas positif kepada kerajaan negeri yang berhasrat membeli sendiri bekalan COVID-19.

Beliau berkata, kerajaan negeri Selangor dan Sarawak yang membuat permohonan itu, boleh berbuat demikian dengan syarat vaksin yang ingin dibeli mesti berdaftar dengan Bahagian Kawal Selia Farmasi Negara (NPRA).

"Bagi kerajaan negeri Sarawak, saya mengadakan beberapa sesi libat urus dengan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Ungah Embas dan memaklumkan bahawa bekalan vaksin Kerajaan Persekutuan mencukupi untuk menampung keperluan pelaksanaan PICK di Sarawak.

"Beliau memohon untuk kerajaan negeri membeli vaksin. Saya memberi respon positif dengan syarat vaksin yang ingin dibeli oleh kerajaan negeri Sarawak mesti berdaftar di bawah NPRA terlebih dahulu.

"Ia memandangkan jenis

vaksin yang dikehendaki oleh kerajaan negeri Sarawak masih dalam proses penilaian oleh NPRA," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Khairy turut menafikan dakwaan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bahawa kerajaan Selangor menunggu berbulan lamanya untuk kelulusan mendapatkan dua juta dos bagi rakyat Selangor.

"Ini tidak benar. Dalam perbincangan saya dengan Menteri Besar Selangor, beliau ada sebut secara lisan perancangan Selangor untuk membeli vaksin.

"Saya memberi respon positif, namun sehingga kini saya belum menerima apa-apa permohonan rasmi daripada pihak kerajaan negeri," katanya.


Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, turut menyatakan kesediaan disoal, dikritik dan disiasat berhubung perolehan vaksin serta segala yang berkaitan dengannya.

Beliau menyatakan keterbukaan itu susulan kenyataan Anwar yang menuntut supaya siasatan bebas dibuat berhubung PICK dan perolehan vaksin.

Khairy berkata, beberapa

“Kerajaan negeri Selangor dan Sarawak yang membuat permohonan itu, boleh berbuat demikian dengan syarat vaksin yang ingin dibeli mesti berdaftar dengan NPRA”

Khairy Jamaluddin,  
 Menteri Penyelaras PICK



Warga emas, Abdullah Aziz, 69, menerima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin, Dewan Millenium Kepala Batas, semalam sempena PICK fasa kedua.

(Foto Danial Saad/BH)

kontrak pembelian vaksin bersama jadual penghantaran dan harganya sudah didedahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen pada 5 Januari lalu.

"Antara ahli PAC yang hadir dan memperhalusi kontrak perolehan vaksin pada hari berkenaan adalah Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.

"Saya juga telah mengadakan sesi libat urus bersama Ahli Dewan Rakyat pembangkang pada 19 Mac lalu yang mana saya bantangkan secara panjang lebar pelaksanaan PICK, termasuk menjawab pelbagai soalan secara terperinci.

"Ketua Pembangkang tidak

hadir pada sesi berkenaan," katanya.

Kelmarin, Anwar menggesa satu badan siasatan bebas ditubuhkan segera oleh kerajaan bagi menyiasat kadar pemerolehan vaksin yang rendah di negara ini.


Beliau dilaporkan berkata, langkah itu perlu bagi menjawab pelbagai persoalan termasuk mengapa cuma tiga peratus rakyat Malaysia sudah mendaftarkan vaksin untuk melawan COVID-19.

Khairy menegaskan, PICK dilaksanakan mengikut fasa yang diumumkan sejak 14 Februari lalu.

"Perancangan PICK dibuat dengan mengambil kira jadual penghantaran vaksin yang diberi oleh syarikat pembekal vaksin.

"Jadual ini diumumkan sebelum ini. Saya sudah jelaskan mengikut unjuran kerajaan, bekalan vaksin kita akan mula ampuh bermula Jun.

"Ini juga mengikut perancangan PICK yang mana vaksinasi massa fasa tiga dijadualkan bermula Jun ini," katanya.





## KERATAN AKHBAR

22 April 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Bazar Ramadan Greenwood gagal patuh SOP diarah utup
Muka Surat	:	7



Bazar Ramadan Greenwood, Gombak diarah tutup empat hari. (Foto FB MPS)

# Bazar Ramadan Greenwood gagal patuh SOP diarah tutup

**Kuala Lumpur:** Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengarahkan Bazar Ramadan Greenwood, Gombak, Selangor ditutup empat hari bermula hari ini hingga 25 April ini kerana gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Pengarah Jabatan Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad dalam kenyataan media berkata, arahan penutupan bazar dibuat selepas mengambil kira kebajikan peniaga yang siap memasak untuk jualan semalam.

Katanya, penyerahan notis tutup bazar mengikut Seksyen 18 (1)(f), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) diserahkan kepada wakil pengelola JKP Zon 3 di Jabatan Pelesenan, semalam.

“Penyerahan notis penutupan ini dikeluarkan pegawai yang diberi kuasa mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Pada masa sama, MPS menerangkan SOP dan tindakan pematuhan yang perlu dipatuhi bagi tujuan pembukaan semula bazar kepada wakil pengelola,” katanya.

MPS turut memaklumkan sudah menetapkan kepada semua penganjur dan pengelola melaksanakan SOP tambahan, antaranya penggunaan kad nombor giliran kepada pengunjung, mewujudkan laluan sehalu di dalam bazar dan larangan masuk ke bazar Ramadan bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan warga emas 65 tahun ke atas.



**KERATAN AKHBAR**  
**22 April 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Lelaki hadapi tuduhan seks luar tabii dilepas tanpa dibebaskan
Muka Surat	:	15

# Lelaki hadapi tuduhan seks luar tabii dilepas tanpa dibebaskan

**Tertuduh tarik balik permohonan semakan kehakiman cabar Ketua Pendakwa Syarie Selangor**

Oleh Farah Marshita Abdul Patah farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang lelaki yang sebelum ini mencabar Seksyen 28 Enakmen Kesalahan-Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995, dilepas tanpa dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam atas tuduhan cuba melakukan seks luar tabii dengan seorang lelaki.

Lelaki berusia 36 tahun itu dilepas tanpa dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah pada Isnin lalu berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 25 Februari lalu yang membatalkan pertuduhan dihadapinya.

Sebelum ini, panel sembilan hakim diketuai oleh Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat mengisytiharkan Seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) yang disandarkan bagi mendakwa lelaki itu adalah tidak sah.

Sehubungan itu, lelaki berkenaan menarik balik permohonan semakan kehakiman bagi mencabar tindakan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor yang mendakwanya.

Peguam, Tay Kit Hoo yang mewakili lelaki itu selaku pemohon, memberitahu bahawa Mahkamah Tinggi kemudian membatalkan semakan kehakiman itu selepas membenarkan permohonan

berkenaan.

“Tiada bantahan daripada Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Husna Abdul Halim yang mewakili responden pertama dan kedua (Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor) terhadap permohonan itu.

**“Tiada bantahan daripada Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Husna Abdul Halim mewakili responden pertama dan kedua”**

Tay Kit Hoo, Peguam tertuduh

“Mahkamah membatalkan permohonan semakan kehakiman tanpa perintah terhadap kos,” katanya dihubungi media selepas selesai prosiding pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Firdaus Sidqi Sharil Azli.

Pada 21 Ogos 2019, ketua pendakwa raya syarie membuat keputusan untuk mendakwa lelaki berkenaan di bawah Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995. Dia didakwa cuba melakukan persetubuhan di luar tabii dengan lelaki lain di sebuah rumah di Selangor pada 9 November 2018.

Pada 20 November 2019, lelaki itu memfailkan permohonan semakan kehakiman untuk memohon satu deklarasi bahawa Seksyen 28 bercanggah dengan Artikel-Artikel 5 (1), 8 dan 10 Perlembagaan Persekutuan dan dengan itu ia batal dan tidak sah. Dalam permohonan itu, lelaki



Keratan akhbar BH, 26 Februari lalu.

terbabit juga memohon satu perintah *certiorari* selaras dengan Aturan 53 Kaedah 8 (2), Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk memasukkan keputusan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor yang mendakwanya di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 21 Ogos 2019 dibatalkan serta-merta. Permohonan semakan kehakiman itu dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi pada 16 Januari tahun lalu.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 April 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kariah Masjid Al Khairiyah reda
Muka Surat	:	33

## Kariah Masjid Al- Khairiyah reda

**PETALING JAYA:** Meskipun terpaksa menggantikan puasa terbatal, para penduduk yang terkesan kerana berbuka puasa tiga minit lebih awal menzahirkan rasa reda selain memahami kejadian berlaku akibat kesilapan teknikal masjid.

Mereka sebaliknya tidak memarahi pentadbiran Masjid Al-Khairiyah, Taman Seri Gombak dekat sini kerana silap melaungkan azan Maghrib bukan pada waktu sebenar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Jawatankuasa Masjid Al-Khairiyah, Mohd. Rasihan Mohd. Ikhlik berkata, mereka amat faham dengan keadaan berlaku.

“Alhamdulillah, Jabatan Mufti Selangor telah pun berikan penjelasan bahawa puasa perlu diqada (diganti).

“Nasib baik kerajaan Selangor tidak membenarkan majlis berbuka puasa di masjid seperti setiap kali Ramadan sebelum ini, kalau tidak, lebih ramai terkesan dengan akibat kesilapan ini,” katanya.

Masjid Al-Khairiyah yang dirasmikan pada 9 Julai 2004 mempunyai kapasiti sebanyak 4,000 jemaah dalam satu-satu masa.

Hujah menggantikan puasa berkenaan mengambil kira pandangan jumahur ulama Hanafi, Maliki, Syafie dan ramai di kalangan ulama Hanbali .



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>22 April 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pengurusan akui tersalah laung azan
Muka Surat	:	2

## Pengurusan akui tersalah laung azan

**Gombak:** Pengurusan Masjid Al-Khairiyah, Taman Seri Gombak di sini, mengakui terkhilaf dalam laungan azan Maghrib pada Isnin lalu bersamaan 7 Ramadan yang menyebabkan kariahnya berbuka puasa tiga minit lebih awal.

Nazir masjid itu, Wan Nawawi Wan Dagang bagaimanapun berkata, kesilapan terbabit cepat disedari dan laungan azan mengikut waktu sebenar segera dibunyikan selepas itu selain turut memberi penjelasan kepada semua ahli kariah.

Katanya, pihaknya memaklumkan kekeliruan yang berlaku menerusi hebahan di kumpulan WhatsApp masjid dan secara bersemuka, malah menerangkannya isu berkenaan kepada Jabatan Agama



*Apabila melihat jam awal tiga minit, kami beritahu bilal untuk hentikan azan, (dan) kemudian barulah azan semula (sepenuhnya) bila masuk waktu sebenar"*

**Wan Nawawi Wan Dagang**

Islam Selangor (Jais).

Beliau sekali gus mengesahkan kandungan WhatsApp yang tular di media sosial berhubung perkara itu adalah benar.

"Kenyataan yang tular itu memang sah daripada saya. Cuma (ketika hari kejadian) tidak sempat pun

habis azan, kami minta bilal hentikan (selepas sedar terkhilaf) dan apabila masuk waktu sebenar, azan sekali lagi.

"Kami sedar (salah waktu) apabila (ahli jawatankuasa masjid) lihat jam tangan masing-masing, (manakala) bilal ketika itu azan di tempat berasingan yang berpandukan jam digital (yang salah kerana memaparkan waktu lebih awal).

"Apabila melihat jam awal tiga minit, kami beritahu bilal untuk hentikan azan, (dan) kemudian barulah azan semula (sepenuhnya) bila masuk waktu sebenar," katanya ketika ditemui, semalam.

Wan Nawawi berkata, pengurusan masjid turut berbincang sebelum membuat keputusan untuk me-

### ➤ INFO

**Kenyataan yang dikeluarkan sebelum ini khusus untuk pengetahuan ahli kariah Masjid Al-Khairiyah, Taman Seri Gombak sahaja, manakala orang di luar kariah tidak memerlukannya kerana mempunyai surau dan masjid sendiri**

nerangkan perkara itu menerusi WhatsApp.

"Kami pastikan dahulu kejadian itu dan tidak sewenang-wenangnya dikeluarkan

kenyataan. Tak sangka ia (kenyataan) tular di media sosial.

"Jika (kariah) yang tiada dalam kumpulan WhatsApp masjid, kami sudah maklumkan melalui hebahan sewaktu solat fardu dan hebahan verbal (lisan bersemuka)," katanya yang memberitahu perkara berkenaan sudah selesai di peringkat kariah dan Jais.

Beliau juga menegaskan kenyataan yang dikeluarkannya sebelum ini khusus untuk pengetahuan ahli kariah masjid itu sahaja, manakala orang di luar kariah tidak memerlukannya kerana mempunyai surau dan masjid sendiri.

Katanya, ahli kariah yang mendapat maklumat mengenai kekeliruan azan itu perlu menggantikan puasa mereka.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tetap perlu ganti puasa
Muka Surat	:	3

# Tetap perlu ganti puasa

**Kuala Lumpur:** Puasa batal dan perlu diganti.

Pengesahan itu diberikan Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd Tamyas Abdul Wahid mengenai status puasa mereka yang berpandukan azan di Masjid Al-Khairiyah, Taman Seri Gombak, dekat sini, Isnin lalu.

Bagaimanapun, penggantian puasa itu tidak tertakluk kepada mereka yang berbuka di hujung atau selepas azan kerana ia dikira sudah masuk waktu berdasarkan waktu zon tempatan.

Katanya, waktu solat adalah mengikut zon di negeri-negeri dan bagi kes berkenaan, puasa mereka yang berbuka berpandukan azan pada jam 7.18 malam itu ada-



PAPARAN jam digital waktu azan di Masjid Al-Khairiyah, Taman Seri Gombak.

lah terbatal dan wajib diganti.

"Biasanya azan mengambil masa selama tiga minit. Kawasan Seri Gombak itu termasuk di dalam Zon 1 iaitu Gombak, Petaling, Hulu Langat dan Sepang.

"Namun, berdasarkan kajian bahagian falak Mufti Selangor menetapkan jika seseorang berbuka cepat dua

minit sebelum masuk waktu dikira sah.

"Jadi, bagi mereka yang berbuka di hujung azan atau selepasnya dikira sah kerana berada di dalam tempoh dua minit itu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohd Tamyas bagaimanapun memuji tindakan nazir masjid itu yang berani berterus terang mengenai kesilapan berkenaan.

Katanya, semua orang melakukan kesilapan dan mereka yang terbabit perlu memaafkan bilal bertugas yang tidak sengaja mengalunkan azan lebih awal.

"Dia bukannya sengaja. Kita semua perlu berlapang dada. Insya-Allah, amal ibadat kita sepanjang hari itu diterima," katanya.



“  
 Jika seseorang  
 berbuka cepat  
 dua minit  
 sebelum masuk  
 waktu dikira sah  
 Mohd Tamyas



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

22 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	MBSA guna sistem nombor elak sesak
Muka Surat	:	5

# MBSA guna sistem nombor elak sesak

**Shah Alam:** Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menggunakan sistem penomboran di semua bazar Ramadan bawah pentadbirannya bagi memastikan kehadiran pelanggan di tapak jualan tidak terlalu padat.

Pemangku Datuk Bandar

Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan berkata, sistem berkenaan dilaksanakan pada Isnin lalu.

“Setakat ini, sistem berkenaan berjalan lancar dan kami memohon kerjasama berterusan daripada pengujung dalam pelaksanaan sistem ini,” katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**22 April 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tutup empat hari
Muka Surat	:	12



ANGGOTA keselamatan membuat pemantauan pematuan prosedur operasi standard (SOP) di Bazar Ramadan TTDI di ibu kota.

# Tutup empat hari

Oleh Redzuan Muharam  
 redzuan.muharam@hmetro.com.my

**Bazar Ramadan Greenwood gagal patuh SOP tidak dibenar beroperasi sehingga 25 April**

**Kuala Lumpur**

**M**ajlis Perbandaran Selayang (MPS) mengarahkan Bazar Ramadan Greenwood, Gombak, Selangor ditutup empat hari bermula hari ini hingga 25 April depan kerana gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Pengarah Jabatan Korporat MPS Mohamad Zin Masoad dalam kenyataan media berkata, arahan penutupan bazar dibuat pada tarikh berkenaan selepas mengambil kira kebajikan peniaga yang siap memasak untuk jualan, semalam.

Katanya, penyerahan notis tutup bazar mengikut Seksyen 18 (1)(f), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) diserahkan kepada wakil pengelola JKP Zon 3 di Jabatan Pelesenan, semalam.

"Penyerahan notis penutupan ini dikeluarkan pegawai yang diberi kuasa mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

"Pada masa sama, MPS menerangkan SOP dan tindakan pematuan yang perlu dipatuhi bagi tujuan pembukaan semula bazar kepada wakil pengelola," ka-

tanya.

Dalam kenyataan sama, MPS memaklumkan sudah menetapkan kepada semua penganjur dan pengelola melaksanakan SOP tambahan.

Antaranya penggunaan kad nombor giliran kepada pengunjung, mewujudkan laluan sehalu di dalam bazar dan larangan masuk ke bazar Ramadan bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan warga emas 65 tahun ke atas.

"Bagi memastikan SOP dipatuhi, MPS sentiasa membuat pemantauan di bazar Ramadan kawasan MPS.

"Pengunjung dan peniaga

diingatkan tidak leka dan alpa mematuhi SOP supaya penularan wabak Covid-19 dapat dikawal," katanya.

Terdahulu, Bazar Ramadan Tok Adis di Kuala Ibai, Kuala Terengganu, Terengganu diarah tutup sementara oleh Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu pada Jumaat lalu kerana perlanggaran SOP.

Bagaimanapun, ia dibenarkan beroperasi semula mulai 19 April lalu.

Ia diikuti Bazar Ramadan Balok, Kuantan, Pahang yang ditutup sementara bermula 18 April lalu kerana tidak mematuhi SOP ditetapkan.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>22 April 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Khairy sedia disiasat berhubung program vaksinasi negara
Muka Surat	:	16

## ***Khairy sedia disiasat berhubung program vaksinasi negara***

**Putrajaya:** "Saya sentiasa terbuka untuk disoal, dikritik dan disiasat berhubung pelaksanaan program vaksinasi terbesar negara," ujar Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin.

Merujuk tuntutan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya siasatan bebas dilakukan di bawah Parlimen terhadap program itu serta perolehan vaksin sudah pun didedahkan sepenuhnya kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen pada 5 Januari lalu.

"Pendedahan itu adalah

bersekali dengan jadual penghantaran dan harga yang dibayar," katanya yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Beliau berkata, antara ahli PAC yang hadir dan memperhalusi kontrak perolehan vaksin pada hari berkenaan adalah Ahli Parlimen Permatang Pauh Nurul Izzah.

Sesi libat urus bersama ahli Dewan Rakyat pembangkang juga sudah diadakan pada 19 Mac lalu berhubung pelaksanaan program imunisasi itu di mana dia membentangkan secara panjang lebar mengenai pelaksanaannya namun Anwar tidak hadir pada sesi itu.

Dalam satu kenyataan semalam, sebagai maklum balas terhadap kenyataan Anwar berhubung program imunisasi itu, Khairy berkata, dakwaan kerajaan negeri Selangor terpaksa menunggu lama bagi mendapat kelulusan membeli vaksin Covid-19 adalah tidak be-

nar kerana tiada permohonan rasmi dibuat oleh kerajaan negeri itu setakat ini.

Menurutnya, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari ada menyebut secara lisan perancangan Selangor untuk membeli vaksin dalam perbincangan mereka.

"Saya memberi respons yang positif. Namun, sehingga kini saya

belum menerima apa-apa permohonan rasmi dari pihak kerajaan negeri," katanya.

Anwar antaranya mendakwa kerajaan Selangor "menunggu berbulan lamanya hanya untuk mendapat kelulusan yang diperlukan... untuk mendapatkan 2 juta dos buat rakyat Selangor."

Mengulas dakwaan sama oleh Anwar mengenai Sarawak, Khairy berkata dia sudah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Unggah Embas dan memaklumkan bahawa bekalan kerajaan Persekutuan mencukupi untuk menampung keperluan

pelaksanaan program imunisasi di Sarawak.

Menurut Khairy, Unggah juga sudah memohon untuk kerajaan Sarawak membeli vaksin dan beliau sudah memberi respons yang positif mengenai permohonan itu namun menetapkan syarat yang vaksin itu mestilah berdaftar Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Beliau berkata, vaksin yang ingin dibeli oleh kerajaan Sarawak mestilah berdaftar di bawah NPRA terlebih dahulu memandangkan jenis vaksin yang dikehendaki Sarawak masih dalam proses penilaian oleh NPRA. - Bernama



KHAIRY



## KERATAN AKHBAR

22 April 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tarik balik semkaan
Muka Surat	:	25

# Tarik balik semkaan

*Lelaki didakwa cuba lakukan seks luar tabii tak jadi cabar Ketua Pendakwa Syarie selepas dilepas*

**Bernamea**

**Kuala Lumpur**

**S**eorang lelaki berusia 35 tahun semalam menarik balik permohonan semakan kehakiman bagi mencabar tindakan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor yang mendakwanya atas pertuduhan cuba melakukan seks luar tabii.

Peguam Tay Kit Hoo yang mewakili lelaki itu berkata, pihaknya menarik balik permohonan itu berikutan anak guamnya sudah dilepas tanpa dibebaskan Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 19 April lepas atas tuduhan cuba melakukan seks luar tabii dengan lelaki lain di sebuah rumah di Selangor.

“Tiada bantahan daripada Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor Husna Abdul Halim yang mewakili responden pertama dan kedua (Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor) terhadap permohonan itu.

“Mahkamah membatalkan permohonan semakan kehakiman tanpa perintah terha-

dap kos,” katanya ketika dihubungi selepas pengurusan kes secara dalam talian di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Firdaus Siddiqi Sharil Azli, semalam.

Pada 16 Januari tahun lepas, lelaki itu memperoleh kebenaran daripada Mahkamah Tinggi di sini untuk memulakan prosiding semakan kehakiman itu.

Lelaki itu memfailkan permohonan pada 20 Nov 2019, antaranya memohon deklarasi bahawa Seksyen

28 Enakmen Kesalahan-kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 bercanggah dengan Artikel-Artikel 5 (1), 8 dan 10,

Perlembagaan Persekutuan dan dengan itu ia batal dan tidak sah.

Dalam permohonan itu, lelaki terbabit memohon perintah certiorari selaras dengan Aturan 53 Kaedah 8 (2), Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk memasukkan keputusan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor yang mendakwanya di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 21 Ogos 2019 dibatalkan serta-merta.

“**Mahkamah batal permohonan semakan kehakiman tanpa perintah terhadap kos**  
 Tay Kit Hoo



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 April 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	2000 kotak kurma diagih di bangunan Sultan Idris Shah
Muka Surat	:	32

### 2,000 kotak kurma diagih di Bangunan Sultan Idris Shah

**REZEKI.** Sebanyak 2,000 kotak buah kurma diagihkan kepada petugas dan kakitangan yang bekerja di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Ia melibatkan petugas Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Perbadanan Wakaf Selangor dan

Lembaga Zakat Selangor.

Sumbangan disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal negeri, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni.

Program itu bertujuan mengeratkan lagi hubungan antara kerajaan negeri dengan kakitangan yang berkhidmat di bangunan tersebut.



**MOHD. ZAWAWI** (tiga dari kiri) bergambar bersama wakil penerima sumbangan 2.000 kotak buah kurma yang diedarkan di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam baru-baru ini.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>22 April 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sabah sedia kecewakan Selangor
Muka Surat	:	47

# Sabah sedia kecewakan Selangor

Oleh **MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI**

**PASUKAN** Sabah FC memulakan perang psikologi dalam usaha mencalar ego Selangor FC menjelang aksi Liga Super di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya malam esok.

Sebagai rekod, skuad *The Rhinos* berada dalam prestasi terbaik selepas membelasah UiTM FC 4-0 minggu lalu manakala pasukan Gergasi Merah turut melakar kemenangan dramatik 3-2 ke atas Melaka United.

Ketua Jurulatih Sabah, Kurniawan Dwi Yulianto berkata, pasukan mereka sudah melakukan persiapan rapi untuk fokus dalam mencuri mata berharga apabila bertemu dengan skuad kendalian Karsten Neitzel itu nanti.

"Saya sudah ada perancangan khusus dalam memastikan momentum positif pasukan sejak kebelakangan ini dapat diteruskan dengan barisan pemain telah melakukan persiapan cukup rapi sepanjang sesi latihan minggu ini.

"Kemenangan yang lepas sememangnya menyuntik semangat pemain untuk terus bekerja keras dengan harapan mengutip mata berharga sekali gus mendaki



**SADDIL (kanan) menjadi tonggak penting Sabah menentang Selangor apabila dia mula menemui sentuhan jaringan.**



Kemenangan yang lepas sememangnya menyuntik semangat pemain untuk terus bekerja keras dengan harapan mengutip mata berharga sekali gus mendaki carta liga."

carta liga," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, pengendali kelahiran Indonesia itu memuji impak yang diberikan oleh pemain sayap import, Saddil Ramdani yang menemui sentuhan jaringan dengan meledak dua gol berturut-turut.

"Corak permainan Saddil sememangnya sesuai dengan taktikal yang dirancang oleh pasukan dan saya tidak terkejut dengan prestasi semasanya kerana bukan sahaja meledak gol, malah dia mencipta peluang jaringan buat rakan sepasukan.

"Namun, saya tidak mahu dia mendabik dada sebaliknya terus bekerja keras kerana saingan musim ini masih panjang," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bakal Perdana Menteri perlu beri tawaran baharu buat Malaysia
Muka Surat	:	4

### Bakal Perdana Menteri perlu beri tawaran baharu buat Malaysia

**SHAH ALAM** - Malaysia memerlukan tawaran baharu daripada mana-mana pemimpin yang ingin memegang jawatan Perdana Menteri.

Bekas Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo berkata, sistem pentadbiran baharu yang segar amat diperlukan di negara ini bagi menyantuni masalah rakyat dengan lebih cepat dan mudah.

"Kantung negara sudah hampir kosong dan berapa lama kewangan ini mampu bertahan.

"Birokrasi semakin parah. Rakyat ingin tukar kerajaan dan berharap bertukarlah wajah jabatan-jabatan ini, na-

mun yang bertukar hanya wajah menteri dan paling menyakitkan, mereka semakin galak menyalahkan rakyat," katanya di Facebook pada Rabu.

Mengulas mengenai proklamasi darurat, Mohamad Khir berkata, usaha bagi memendekkan tempoh pelaksanaannya merupakan satu tindakan politik dan tidak menguntungkan rakyat.

Menurutnya, negara telah melalui tujuh pelaksanaan darurat yang sangat berbeza dan ia dilaksanakan dengan sebab khusus serta tidak pernah dipendekkan dari masa ditetapkan.

"Lebih elok jika semua berusaha untuk memastikan darurat ini tidak disam-

bung selepas 1 Ogos depan," katanya.

Sebelum ini, Barisan Jawatankuasa Penamatan Proklamasi Darurat menyerahkan surat permohonan untuk menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di pintu tiga Istana Negara pada Selasa bagi merayu untuk menamatkan darurat.

Hadir sama pada penyerahan surat itu ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu dan Pengarah Komunikasi Parti Keadilan Rakyat (PKR), Fahmi Fadzil.





## KERATAN AKHBAR

22 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kesal surau tidak dibenar laung azan guna pembesar suara
Muka Surat	:	25

### Kesal surau tidak dibenar laung azan guna pembesar suara

**PUNCAK ALAM** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Mohd Shaïd Rosli memandangi serius isu tidak dibenarkan azan menggunakan pembesar suara di sebuah taman perumahan di Puncak Alam.

Mohd Shaïd berkata, beliau telah menerima satu aduan daripada penduduk taman perumahan terbabit yang menyatakan pihak surau tidak boleh melauungkan azan menggunakan pembesar suara.

“Saya dimaklumkan sekiranya pihak surau mahu menggunakan pembesar suara, mereka perlu menunggu Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) bagi membincangkan kebenaran azan menggunakan pembesar suara.

“Bagaimanapun, buat masa ini pembesar suara *portable* digunakan di dalam surau,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau menggesa Exco Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni dan Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar serta Pembangunan Usahawan negeri, Rodziah Ismail menyelesaikan perkara itu dengan segera.

“Saya memberi tempoh seminggu untuk perkara ini diselesaikan sebelum ia merebak ke kawasan lain di negeri Selangor.

“Isu-isu sensitif seperti ini sepatutnya tidak timbul. Penduduk yang duduk dalam masyarakat majmuk, perlu hormat menghormati antara satu sama lain,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

22 April 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bazar Ramadan Greenwood diarah tutup empat hari
Muka Surat	:	26

## Bazar Ramadan Greenwood diarah tutup empat hari

**GOMBAK** - Bazar Ramadan Greenwood diarah tutup selama empat hari bermula Khamis sehingga Ahad ini selepas didapati gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Pengarah Jabatan Korporat Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Mohamad Zin Masoad berkata, penyerahan notis penu-

tupan bazar itu diberikan kepada wakil pengelola Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 3 pada Rabu.

Beliau berkata, antara kesalahannya yang dikenal pasti adalah melibatkan kegagalan mematuhi jarak antara khemah peniaga (1 meter) serta tiada kawalan keluar dan masuk di kawasan terlibat.

“MPS turut menerangkan SOP dan tindakan pematuhan yang perlu dipatuhi bagi tujuan pembukaan semula bazar kepada wakil pengelola.

“Penutupan ini dibuat setelah mengambil kira kebajikan peniaga yang membuat perediaan bagi memulakan jualan pada hari ini,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**  
**CERT. NO. : AR1991**



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>21 April 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	'Kerajaan negeri boleh beli vaksin COVID-19'
Muka Surat	:	-

**Kerajaan negeri boleh beli vaksin COVID-19'**

**SEKUTU MAMPU** - Menteri Perubatan, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICIS), Khairy Jamaluddin, memohon maklum balas positif supaya kerajaan negeri yang berhasrat membeli vaksin COVID-19.

Beliau berkata, kerajaan negeri Selangor dan Sarawak yang memulau perbincangan, boleh berhubung dengan agensi-agensi yang ingin membeli vaksin tersebut dengan Butangas Kanan Sains Farmasi (BKF) di Sarawak.

"Saya memohon kerajaan negeri, boleh mengemukakan beberapa soal atau dengan Terbitan Nisra Mariani, Duta Anwar Ibrahim dengan Ennis dan menyerahkan maklumat berkenaan kepada kumpulan Penubuhan Menyelidikan dan Penyelidikan (MPP) kerajaan negeri," kata Khairy.

**DISYOROK, INDIKANDA**

- Saran 150,000 euro/bulan vaksin fase ketiga - KJ
- Saran beli vaksin COVID-19
- Sediakan vaksin COVID-19 di dalam negeri
- Hospital swasta mahu berunding dapatkan vaksin

"Untuk mendapat vaksin kerajaan sendiri vaksin, saya memohon kerajaan negeri dengan agensi atau yang ingin membeli vaksin kerajaan negeri membeli vaksin dengan BKF di Sarawak. Tu membolehkan kita vaksin yang dibekalkan oleh kerajaan negeri Sarawak-mudah-didapati-jenis-pembelian-jika-BKF, kerana dalam satu kerajaan, hai oi.

**ZUUSAHAN**

Khairy hari ini memulau sidang media di Putrajaya, dalam satu sidang media bersama kerajaan negeri Selangor mengenai pembelian vaksin untuk vaksinasi-mendapatkannya-juga-dia-tapi-untuk-Selangor. Tu dia berkata, dalam perbincangan yang sedang berlangsung dengan BKF, dia ada memberitahu kerajaan negeri Selangor dan Sarawak bahawa mereka boleh membeli vaksin.

"Saya memohon kerajaan negeri, supaya sebelum memulau apa-apa perbincangan nanti dengan pihak kerajaan negeri," katanya.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, hari ini memulau sidang media, diarahkan dan dibekalkan oleh kerajaan negeri Selangor mengenai pembelian vaksin.

Beliau memulau sidang media ini untuk kerajaan negeri yang memulau perbincangan dengan BKF mengenai pembelian vaksin COVID-19 di dalam negeri.

Khairy berkata, beberapa ketika pembelian vaksin bermula dengan perbincangan dan harga yang agak mahal. Beliau berkata, pembelian vaksin COVID-19 akan bermula pada 3 Januari ini.

Beliau berkata, yang mahu membeli vaksin kerajaan negeri pembelian vaksin pada hari kemudian adalah BKF Putrajaya-Pemangku Puan, Nurul Huda Anwar.

"Saya juga mahu mengemukakan soal atau untuk bertanya BKF dengan Putrajaya pada 19 Mac ini, yang mahu memulau perbincangan secara peribadi mengenai pembelian vaksin untuk kerajaan negeri," kata Khairy.

"Kalau Putrajaya tidak mahu pada apa-apa sahaja," katanya.

Sementara itu, Khairy memulau sidang media mengenai pembelian vaksin untuk kerajaan negeri yang memulau perbincangan dengan BKF di Sarawak.

Beliau berkata, pembelian vaksin, langkah ini perlu bagi memulau perbincangan mengenai pembelian vaksin untuk kerajaan negeri. Beliau berkata, pembelian vaksin akan bermula pada 19 Februari ini.

Khairy berkata, PICIS dibekalkan dengan vaksin yang dibekalkan kepada 10 Putrajaya ini.

"Perbincangan PICIS about dengan mengemukakan kepada perbincangan vaksin yang telah telah selesai, pembelian vaksin.

"Kalau di dalam negeri lain, saya mahu kerajaan negeri dengan kerajaan, belian boleh beli atau mahu membeli vaksin, dan

"Tu juga mengenai perbincangan PICIS yang mahu memulau perbincangan secara peribadi dengan BKF di Sarawak.

**RASMI BERITA SEBENAR**

**BERITA BERKAITAN**

- PPF berhadiah besar** - PPF berhadiah besar dan berhadiah dengan kerajaan negeri - KJ
- Khairy jawab** - Khairy jawab pertanyaan Anwar
- Pembelian vaksin** - Pembelian vaksin BKF di Sarawak
- Serifan pusat vaksin** - Serifan pusat vaksin mega - KJ

**Disiarkan oleh media**

- Wanita, Mesej Per-Lite** - Wanita, Mesej Per-Lite
- Smartwatch & POC** - Smartwatch & POC
- Amazing Smartwatch** - Amazing Smartwatch
- Aku-Sinaran Sinaran** - Aku-Sinaran Sinaran
- Siapa yang beli vaksin** - Siapa yang beli vaksin
- Siapa yang beli vaksin** - Siapa yang beli vaksin
- Habibullah: These People** - Habibullah: These People
- Siapa yang beli vaksin** - Siapa yang beli vaksin

**BH ONLINE**





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>21 April 2021</b>		
Akhrar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Lima parameter pacu daya saing pelaburan negara
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the BH Online website interface. At the top, there are navigation menus for various news categories like BERITA, SUKSES, HUKUM, and more. A main banner features a weather forecast for Kuala Lumpur and a 'CHEKHUP' section. The central article is titled 'Lima parameter pacu daya saing pelaburan negara' (Five parameters to drive national investment competitiveness), dated April 21, 2021, at 10:09 AM. The article text discusses the Ministry of Trade and Industry's (MITI) announcement of five key parameters for national investment competitiveness, including a 5-6 day visa processing time, a 5-day business trip, and a 5-day business trip. It also mentions the goal of making Malaysia a more attractive investment destination. The article includes a sub-section 'DISYORKAN UNTUK ANDA' (Recommended for you) with bullet points: 'Malaysia akan perkenalkan dasar pelaburan baharu' (Malaysia will introduce a new investment policy), 'PERKESO kasar patangan tahunan 5-6 peratus' (5-6% annual visa processing time), and 'Tada persembakan dalam 5 hari' (5-day business trip). The article also features a 'TRENDING' section with various news items and a 'BERITA BERKAITAN' (Related News) section with links to other articles.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>21 April 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Seks luar tabii: Lelaki tarik balik mohon semakan kehakiman
Muka Surat	:	-

**Seks luar tabii: Lelaki tarik balik mohon semakan kehakiman**

April 21, 2021 @ 4:29pm

Pada Jumat lalu, lelaki itu memohon kebenaran daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk membatalkan prosiding semakan kehakiman itu - Fito Hassan

KUALA LUMPUR: Seorang lelaki berusia 35 tahun hari ini menarik balik permohonan semakan kehakiman, bagi membatalkan lamaran Perlembagaan Syariah Negeri Selangor yang membolehkan dua pasangan cuba melakukan seks luar tabii.

Peguam Top Ko-Hoo yang mewakili lelaki itu berkata, pihaknya menarik balik permohonan itu berikutan anak guaman lelaki dibenarkan dengan ketentuan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 19 April lalu atas tuntutan cuba melakukan seks luar tabii dengan lelaki lain, di sebuah rumah di Selangor.

"Tidak hairan apabila Pengerusi Mahkamah Undang-Undang Negeri Selangor Husaini Abul-Hakim yang mewakili responden pertama dan kedua (Perlembagaan Syariah Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor) terhadap permohonan itu.

"Mahkamah membatalkan permohonan semakan kehakiman tanpa perintah terhadap ko," katanya ketika sidang media selepas pengumuman kes secara online talian, di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Fatma Saqib (Shah Ajai) hari ini.

**DISYORKAN UNTUK ANDA**

- Mahkamah tolak permohonan JAMS untuk kemuka rayuan
- Kemuka rayuan lelaki rendah mengikut undang-undang Islam? - Zaidi Fiqi
- Permohonan semakan semula kehakiman Kassim Ahmad ditolak Mahkamah
- Kepuasan Mahkamah Persekutuan bukan pengiktirafan kepada LGBT - MAIS

Pada 18 Januari tahun lalu, lelaki itu memohon kebenaran daripada Mahkamah Tinggi di sini, untuk membatalkan prosiding semakan kehakiman itu.

Lelaki itu membatalkan permohonan pada 20 November 2019, selang sehari membatalkan lamaran Seks 28 Enakman Kesalahan Kesalahan Jarak Jarak (Selangor) 1995 bersempadan dengan Artikel 5(1)(1), 8 dan 10, Perlembagaan Persekutuan dan dengan itu batal dan tidak sah.

**RASAI BERITA SEBENAR**

**BERITA BERKAITAN**

LElaki lepas tanpa babuk kes seks luar tabii

Badan perundangan Selangor tolak lamaran lelaki untuk melakukan seks luar tabii

Suruhan kehakiman cabar menyangkut lelaki dan lelaki ditolak

Kij semua perantaraan undang-undang jenayah syariah

**BERITA TERKINI**

Levi's Picks Up \$1.5 Million Georgia Firm

People Who Wear The Wrong 'T' Shirt At The Right Time

See what fall month's most popular new eye-see

How Many People Are Back To Work?

Doctors in Kuala Lumpur Amazed by This Smartphone Web ECG

Doctor: If You Have These (or Ringing) Deafening Noises, It's Not Normal

How Did Top Screen Actor Get 'Kissed' on the Beach? Not That

Beats, Sober Sings!

**BERITA TERKINI**

Levi's Picks Up \$1.5 Million Georgia Firm

People Who Wear The Wrong 'T' Shirt At The Right Time

See what fall month's most popular new eye-see

How Many People Are Back To Work?

Doctors in Kuala Lumpur Amazed by This Smartphone Web ECG

Doctor: If You Have These (or Ringing) Deafening Noises, It's Not Normal

How Did Top Screen Actor Get 'Kissed' on the Beach? Not That

Beats, Sober Sings!

**BERITA TERKINI**

Levi's Picks Up \$1.5 Million Georgia Firm

People Who Wear The Wrong 'T' Shirt At The Right Time

See what fall month's most popular new eye-see

How Many People Are Back To Work?

Doctors in Kuala Lumpur Amazed by This Smartphone Web ECG

Doctor: If You Have These (or Ringing) Deafening Noises, It's Not Normal

How Did Top Screen Actor Get 'Kissed' on the Beach? Not That

Beats, Sober Sings!





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**21 April 2021**

Akhbar	:	Era FM
Tajuk Berita	:	Insiden Azan Maghrib Lebih Awal
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**21 April 2021**

Akhbar	:	Era FM
Tajuk Berita	:	Kanak-Kanak 12 Tahun Ke Bawah Dilarang Ke Bazar
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 21 April 2021

Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	MPS tutup bazar Ramadan Greenwood
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>21 April 2021</b>		
Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Seks luar tabii: Lelaki tarik balik semakan kehakiman
Muka Surat	:	-





